

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran merupakan bidang pengurusan yang paling utama dalam arena pendidikan. Bidang ini memberi impak yang besar bagi sesebuah institusi pendidikan dalam melaksanakan tanggungjawab organisasi sekolah untuk mencapai prestasi cemerlang dalam aspek akademik pelajar. Pengurusan pengajaran dan pembelajaran adalah proses merancang pengajaran dan pembelajaran agar mencapai matlamat, menentukan atau memberi garis panduan perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh guru, menentukan mata pelajaran yang diajar guru mengikut kepakaran, memimpin dan memberi inspirasi kepada guru dan mengawal aktiviti serta memantau pelaksanaan agar ianya berjalan sebagaimana yang dirancang (Nurlia Mohamad, komunikasi peribadi, 26 Disember 2012).

Pengurusan pengajaran dan pembelajaran penting kerana ianya berperanan besar dalam meningkatkan prestasi pelajar. Salah satu rasional peningkatan prestasi pelajar adalah perancangan pengajaran dan pembelajaran

yang tersusun di peringkat pengurusan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu pengurusan pengajaran dan pembelajaran juga berfungsi dalam menentukan penyampaian ilmu iaitu berpandukan Sukatan Pelajaran dan Rancangan Pelajaran Tahunan bagi sistem KBSR dan Dokumen Standard Sekolah Rendah bagi sistem KSSR (Md Din Hussein, komunikasi peribadi, 7 Januari 2013) . Pengurusan pengajaran dan pembelajaran juga penting untuk mencapai objektif dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu pengurusan pengajaran dan pembelajaran juga dapat meningkatkan pengawalan kelas yang berkesan.

Pengurusan pengajaran dan pembelajaran mencakupi beberapa aspek iaitu persediaan rancangan kerja, penentuan objektif atau hasil pelajaran, sumber pengajaran dan pembelajaran, rancangan dan pelaksanaan pelajaran dan kaedah penilaian pengajaran dan pembelajaran (Mok Soon Sang, 2008). Kelima-lima aspek ini perlu dilaksanakan dengan berkesan agar pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah dapat berjalan dengan lancar. Pengurusan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan aspek persediaan rancangan kerja adalah satu program yang disediakan oleh guru berdasarkan Sukatan Pelajaran bagi sesuatu mata pelajaran yang akan diajar oleh guru tersebut.

Tujuan penyediaan rancangan kerja ini adalah sebagai panduan asas dalam melaksanakan program pengajaran dan pembelajaran bagi sesuatu mata pelajaran (Mok Soon Sang, 2008). Menurut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1999 (1999), Persediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran menyatakan Buku Rekod Mengajar mesti diisi mengikut perancangan harian sebelum masuk kelas. Dengan adanya rancangan kerja seperti rekod perancangan harian ini, guru boleh melaksanakan program pengajaran dan pembelajaran berdasarkan Sukatan Pelajaran secara sistematik serta mengikut pemeringkatan yang sesuai dengan pelajar.

Pengurusan pengajaran dan pembelajaran juga bertanggungjawab dalam menentukan objektif atau hasil pembelajaran. Secara amnya, objektif pengajaran dan pembelajaran boleh dianggap sebagai hasil perlakuan pelajar setelah mereka didedahkan kepada suatu proses pengajaran dan pembelajaran. Objektif pengajaran dan pembelajaran merangkumi aspek-aspek yang merujuk kepada sesuatu kurikulum, sebagai contoh Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Pembahagian objektif pengajaran dan pembelajaran adalah berdasarkan domain kognitif, domain afektif dan domain psikomotor. Manakala jenis-jenis objektif pula terdiri daripada objektif implisit, objektif eksplisit dan objektif ekspresif.

Pengurusan Pengajaran dan pembelajaran melibatkan sumber pengajaran dan pembelajaran. Sumber pengajaran dan pembelajaran adalah bahan-bahan pelajaran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bahan-bahan pelajaran ini terdiri daripada buku teks, buku rujukan dan alat bantu mengajar seperti kad gambar, model, specimen, carta, projector, benda-benda maujud, pita rakaman, televisyen, computer dan sebagainya (Jaafar Atan, komunikasi peribadi, 2013). Persediaan segala alat bantu mengajar ini mestilah benar-benar dapat menjelaskan butiran pengajaran dan pembelajaran. Semua alat tersebut perlu disenaraikan bersama dengan bilangan dan kuantitinya. Ini penting bagi guru untuk merancang aktiviti individu atau kumpulan yang memerlukan alatan yang mencukupi.

Pengurusan pengajaran dan pembelajaran memasukkan elemen perancangan dan pelaksanaan penilaian (Mok Soon Sang, 2008). Perancangan dan pelaksanaan penilaian ini berlaku di akhir pengajaran dan pembelajaran. Guru menentukan teknik penutup pengajaran dan pembelajaran yang sesuai seperti aktiviti susulan, penilaian objektif pelajaran, aktiviti membuat rumusan atau kesimpulan serta pengubahsuaian dalam pelajaran berikutnya. Pelaksanaan penilaian ini penting sebagai panduan guru dalam mengukur keberkesanan

pengajaran yang telah disampaikan. Melalui penilaian ini juga guru dapat membuat kesinambungan untuk pelajaran seterusnya.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Terdapat beberapa isu berkaitan pengurusan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Antara yang menjadi isu ialah tiada penyelarasan dari segi pengagihan tugas guru di peringkat pihak pentadbir sekolah. Perkara ini berlaku adalah disebabkan tiada perbincangan di kalangan guru-guru penolong kanan dalam mengagihkan tugas-tugas khas kepada guru. Ini menyebabkan agihan tugas yang tidak seimbang di kalangan guru. Menurut Suhana Minhat (2013) terdapat pengetua atau guru besar tidak berjaya berperanan dalam menstruktur organisasi. Lambakan tugas guru ini memberi kesan negatif terhadap pengurusan pengajaran dan pembelajaran guru. Menurut pemantauan yang dilakukan oleh Guru Data HRMIS terdapat guru yang memegang sebilangan jawatan atau tugas sampingan (Norsiah Abu Bakar, komunikasi peribadi, 17 April 2013). Ini menyebabkan guru tidak mempunyai masa untuk membuat persediaan pengajaran dan pembelajaran mereka kerana banyak terlibat dengan tugas-tugas seperti menyiapkan kertas kerja, mengisi borang, memasukkan data, pemfailan dan lain-lain. Tugas yang pelbagai juga menyebabkan guru tidak mempunyai masa yang cukup untuk menyemak hasil kerja murid, mengenal pasti kelemahan dan membuat pemulihan terhadap murid.

Guru banyak melakukan tugas yang tidak berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Masalah ini memberi kesan yang negatif kepada pengurusan pengajaran dan pembelajaran. Ini menyebabkan guru tidak dapat merancang pengajaran dan pembelajaran dengan baik. Sebagai contoh, guru dibebani dengan kerja-kerja perkeranian, pengurusan disiplin dan persediaan untuk pemantauan pihak atasan menyebabkan terdapat guru yang tidak sempat menyediakan buku rekod pengajaran dan pembelajaran. Mereka juga tidak dapat menyediakan bahan bantu mengajar dengan lengkap. Kajian oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mendapati 70 peratus daripada

9,000 guru di seluruh negara tertekan bukan sahaja kerana beban tugas tetapi juga terpaksa berdepan dengan kerenah pengetua, kerani, ibu bapa dan juga pelajar (Berita Perkhidmatan Awam, 22 Mac 2009) . Kepelbagaian tugas bukan pengajaran dan pembelajaran juga menyebabkan guru tidak dapat menyemak buku murid. Kurangnya membuat persediaan sebelum mengajar mengenalpasti impak selepas mengajar menyebabkan kepelbagaian tugas ini memberi kesan negatif terhadap pengajaran dan pembelajaran.

Guru ditugaskan mengajar mata pelajaran bukan mengikut kepakaran juga menyebabkan pengurusan pengajaran dan pembelajaran tidak berkesan. Fenomena ini berlaku apabila guru dikehendaki mengajar mata pelajaran yang di luar pengetahuan guru tersebut. Menurut beberapa graduan, wujud keadaan dimana graduan pendidikan ekonomi dan bukan bersekolah aliran agama diberi tugas untuk mengajar Pendidikan Islam sewaktu melaporkan diri (UPSI Kini, 16 Januari 2012). Ini akan menyebabkan guru tersebut tidak bersedia untuk mengajar serta kurang input untuk menyebarkan ilmu pengetahuan. Selain itu, guru yang mengajar bukan opsyen ini tidak berkeyakinan dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran. Masalah ini menyebabkan pengurusan pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pelbagai masalah juga akan timbul sekiranya masalah guru mengajar tidak mengikut opsyen ini berterusan berlaku.

Terdapat pentadbir yang tidak membina sendiri jadual waktu pengajaran dan pembelajaran. Tugas pembinaan jadual tersebut diberikan kepada guru lain yang tidak mempunyai kemahiran dan maklumat dalam pembinaan jadual (Norlida Abdullah, komunikasi peribadi, 27 Disember 2012). Walaupun tiada sumber bertulis yang menyatakan isu ini, ianya sering diperkatakan oleh individu yang terlibat. Pentadbir sekolah tidak menyediakan sendiri jadual waktu pengajaran dan pembelajaran. Walaupun mereka telah didedahkan dengan kursus pembinaan jadual waktu, mereka tetap menyerahkan tugas tersebut kepada individu lain yang mahir bidang ICT untuk menyediakan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran. Selain kursus, pentadbir juga diperkenalkan

dengan sistem *ASC timetable* dan *123 timetable* bagi membantu mereka menyediakan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran. Ini menyebabkan jadual yang diagihkan kepada guru kurang berkualiti, tidak seimbang, tidak berdasarkan kepakaran serta tidak mengambil kira waktu rehat guru. Sebagai contoh terdapat guru terpaksa mengajar beberapa waktu secara berturut-turut. Ini menyebabkan guru tidak cukup masa untuk membuat persediaan pengajaran dan pembelajaran. Terdapat sesetengah guru yang diberikan masa mengendalikan pengajaran dan pembelajaran dalam masa yang terlalu panjang. Sebagai contoh seorang guru terpaksa mengajar 3 hingga 4 waktu berterusan di dalam 2 atau 3 kelas yang berbeza (Norlida Abdullah, komunikasi peribadi, 6 Mac 2013). Ini menyebabkan persediaan guru untuk menyediakan lembaran kerja, bahan bantu mengajar dari satu kelas ke kelas yang lain tidak dapat diuruskan dengan baik. Selain itu guru juga memerlukan masa untuk bergerak dari satu kelas ke kelas yang lain. Keadaan ini menyebabkan pengurusan pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dijalankan dengan berkesan.

Selain itu, pengurusan pembinaan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran didapati kurang berkesan (Siti Mariam Mohd Tuah, komunikasi peribadi, 2 Februari 2013). Pembinaan jadual waktu yang kurang berkesan mengakibatkan berlakunya proses pengajaran dan pembelajaran yang tidak lancar. Terdapat guru yang terpaksa mengajar 30 masa atau lebih dalam seminggu. Keadaan ini menyebabkan guru tersebut kurang komitmen terhadap pengajaran dan pembelajaran kerana tiada masa untuk menyediakan bahan untuk mengajar. Kepadatan jadual waktu mengajar seseorang guru memberi tekanan kepada guru dalam melaksanakan tugas sebagai pendidik (Kamidah Marsithi, komunikasi peribadi, 15 April 2013). Jadual yang terlalu banyak bagi seseorang guru menyebabkan kualiti mengajar guru menurun kerana guru tidak sempat untuk membuat persediaan sebelum mengajar. Sedangkan sistem sekolah adalah kaedah atau cara yang teratur untuk mencapai matlamat sesebuah institusi (Mohd Najib, 2010). Ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran tidak berjalan sebagaimana yang diharapkan.

Selain itu, guru juga sering mendapat jadual sebagai guru ganti. Sebagai seorang guru, mereka sentiasa bersedia untuk mengajar apa saja mata pelajaran yang diarahkan. Namun, guru berasa kurang selesa jika sering mendapat jadual sebagai guru ganti kerana menggantikan rakan yang tidak hadir ke sekolah. Keadaan ini menyebabkan guru berasa tertekan dan tidak dapat melaksanakan tugas mengajar dengan baik dan berkesan (Masamah Abdullah, komunikasi peribadi, 12 Mac 2013). Jadual mereka yang sedia ada sudah banyak dan ditambah pula dengan jadual guru ganti juga menyebabkan mereka terpaksa menanggung tugas-tugas pengurusan seperti menyediakan buku rekod mengajar, mengemas kini eviden ke dalam fail Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), memasukkan data ke dalam Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) dan sebagainya.

Tiada mekanisma atau kawalan tertentu untuk memastikan guru keluar dan masuk ke kelas tepat pada waktunya. Ketiadaan mekanisme atau kawalan keluar masuk guru ini menyebabkan terdapat segelintir guru mengambil kesempatan lewat masuk ke kelas dan melengah-lengahkan pengajaran dan pembelajaran mereka. Kelewatan guru masuk ke kelas juga disebabkan guru yang sebelumnya lambat meninggalkan kelas tersebut. MMI (Melindungi Masa Instruksional) yang disarankan oleh pihak KPM bermula secara rintis pada tahun 2012 dan dikuatkuasakan seluruh negara pada tahun 2013 merupakan saranan yang baik terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Menurut Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bandar, Kota Tinggi, di dalam taklimat beliau semasa mesyuarat pengurusan guru (26 Disember 2012), dasar ini dibuat oleh pihak KPM kerana terdapat aduan mengatakan guru kerap lewat masuk ke kelas, guru memarahi atau membebel murid sewaktu mengajar, guru bertelefon atau menggunakan khidmat pesanan ringkas semasa pengajaran dan pembelajaran. Ini menyebabkan pengurusan pengajaran dan pembelajaran tidak berjalan dengan baik dan berkesan.

Terdapat juga penilaian terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara menyeluruh oleh pentadbir. Sebagai contoh, guru dicerap

melalui buku rekod pengajaran dan pembelajaran (Siti Nur Abd Rahman, Komunikasi Peribadi, 10 Januari 2013). Penilaian ini meliputi beberapa aspek seperti pemeriksaan buku rekod pengajaran dan pembelajaran, pedagogi, teknik pengajaran, teknik pendekatan, tindakan susulan dan sebagainya. Namun terdapat pentadbir yang menilai dari satu aspek sahaja seperti tidak mencerap sepenuhnya sepanjang tempoh waktu pengajaran guru, tidak melihat hasil pengajaran dan pembelajaran guru dan tidak memberi bimbingan setelah guru itu dinilai. Terdapat juga guru yang tidak dicerap dalam tempoh yang terlalu lama. Ini menyebabkan kelemahan pengajaran dan pembelajaran guru tidak dapat dinilai sepenuhnya dan melakukan penambahbaikan. Ini mengakibatkan guru mengajar dengan teknik yang kurang berkesan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Pengurusan pengajaran dan pembelajaran di sekolah tidak banyak perbezaan di mana-mana sekolah kebangsaan. Faktor-faktor yang mempengaruhi berlakunya masalah dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran adalah tiada penyelarasan agihan tugas di peringkat pertengahan, guru banyak melakukan tugas yang tiada kaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, guru ditugaskan mengajar bukan mengikut kepakaran atau opsyen, pentadbir tidak membina sendiri jadual waktu, pembinaan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan, guru sering menggantikan guru yang tidak hadir, tiada mekanisme atau kawalan tertentu memastikan keluar masuk guru tepat pada masanya dan penilaian pengajaran yang tidak sempurna. Faktor-faktor yang dapat dikesan ini memberi kesan yang berpanjangan sekiranya perkara ini tidak dibendung. Masalah yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran melibatkan masa depan pelajar dan ianya perlu diambil tindakan oleh pihak KPM.



Tiada penyelarasan dari segi pengagihan tugas guru di peringkat pertengahan menjadi punca guru terpaksa memikul tanggungjawab selain mengajar. Selain itu, lambakan tugas selain mengajar menjadi satu isu selain guru menjalankan tugas sebagai pengajar Tan Lay Sim (2012). Guru selain mengajar terpaksa menyediakan kertas kerja, minit mesyuarat dan sebagainya. Guru seharusnya mengajar apa yang diketahui. Namun terdapat guru yang diminta mengajar mata pelajaran yang bukan kepakarannya. Perkara ini hanya akan memberikan kesan negatif kepada pengajaran dan pembelajaran murid dan membawa kepada hasil yang kurang berkesan dalam bidang pendidikan mahupun pengetahuan murid (Maisarah Ismail, komunikasi peribadi, 14 Januari 2013). Kepincangan yang berlaku di peringkat pertengahan pentadbir sekolah dianggap isu yang berlaku di kebanyakan sekolah. Pentadbir sekolah tidak menyediakan sendiri jadual waktu pengajaran dan pembelajaran. Sebaliknya tugas tersebut diserahkan kepada guru yang mahir dalam bidang ICT.

Pembinaan jadual waktu juga didapati kurang berkesan kerana terdapat guru yang mengajar dengan masa yang banyak dan padat dalam seminggu (Norashida Abd Razak, komunikasi peribadi, 14 Februari 2013). Keadaan ini menyebabkan guru tidak dapat memberi komitmen yang baik dalam pengajaran mereka. Sering menjadi guru ganti adalah isu yang tidak henti-henti diperkatakan oleh guru. Menjadi guru ganti boleh mengganggu tugas guru dalam tugas-tugas pengurusan. Pengisian masa senggang sebagai guru ganti telah menjejaskan masa pengurusan seseorang guru selain menyediakan bahan bantu mengajar ke kelas seterusnya. Selain isu tersebut, sekolah juga tiada mekanisma atau alat sebagai kawalan yang memastikan seseorang guru masuk dan keluar kelas tepat pada waktunya. Keadaan ini menyebabkan terdapat guru yang mengambil kesempatan masuk lewat ke dalam kelas. Kesemua isu yang dinyatakan di atas merupakan masalah yang mengganggu pengurusan pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan latar belakang masalah yang menjadi isu dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran, adalah perlu dilakukan kajian dalam bidang ini

bagi mengenalpasti setiap isu dapat dikurangkan atau diselesaikan. Ini kerana isu-isu ini akan menjejaskan kualiti pendidikan di negara kita. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengurusan pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya meningkatkan prestasi cemerlang sekolah-sekolah di Malaysia. Para pentadbir sekolah perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi dalam merancang, menyusun, memimpin dan mengawal pengajaran dan pembelajaran guru (Sauma Mohamad, komunikasi peribadi, 27 Mac 2013). Termasuklah isu mengenai pembinaan jadual, pengagihan tugas mengikut kepakaran, penyelarasan dari segi agihan tugas di peringkat pertengahan, makluman tentang bajet panitia, penilaian pengajaran dan pembelajaran dan sebagainya.

Oleh kerana kurangnya pihak-pihak yang mengkaji tentang pengurusan pengajaran dan pembelajaran dirasakan bahawa kajian ini wajar dilakukan. Dari kajian-kajian lepas berkaitan pengurusan pengajaran dan pembelajaran lebih cenderung untuk melihat proses pengurusan pengajaran dan pembelajaran, walhal perkara-perkara asas yang perlu dilakukan dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran perlu diketahui terlebih dahulu oleh pihak pentadbir sekolah dan guru sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan. Oleh itu penekanan kajian ini adalah ke atas perkara-perkara asas yang perlu dilakukan dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran oleh guru besar sebagai pentadbir, ketua dan pemimpin di sekolah dalam menyelesaikan permasalahan dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

- i) Mengenal pasti rungutan-rungutan guru tentang pengagihan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran Sekolah Rendah Kebangsaan Zon Bandar daerah Kota Tinggi.

- ii) Mengetahui pasti masalah yang dihadapi oleh Guru Penolong Kanan Pentadbiran dalam menyediakan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran Sekolah Rendah Kebangsaan Zon Bandar daerah Kota Tinggi.
- iii) Mengetahui bagaimanakah jadual waktu pengajaran dan pembelajaran disediakan di Sekolah Rendah Kebangsaan Zon Bandar daerah Kota Tinggi.
- iv) Mengemukakan cadangan guru bagi memperbaiki pengagihan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran Sekolah Rendah Kebangsaan Zon Bandar daerah Kota Tinggi.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Kajian ini bertujuan mencari jawapan kepada beberapa persoalan di bawah:

- i) Apakah rungutan-rungutan guru tentang pengagihan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran Sekolah Rendah Kebangsaan di Zon Bandar daerah Kota Tinggi.
- ii) Apakah masalah yang dihadapi oleh Guru Penolong Kanan Pentadbiran dalam menyediakan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran Sekolah Rendah Kebangsaan Zon Bandar daerah Kota Tinggi.
- iii) Bagaimanakah jadual waktu pengajaran dan pembelajaran disediakan di Sekolah Rendah Kebangsaan Zon Bandar daerah Kota Tinggi.
- iv) Bagaimanakah penambahbaikan boleh dilakukan bagi memperbaiki pengagihan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran Sekolah Rendah Kebangsaan Zon Bandar daerah Kota Tinggi.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijalankan dalam kalangan guru-guru Sekolah Rendah Kebangsaan di Zon Bandar di Kota Tinggi. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti rungutan-rungutan guru terhadap jadual waktu pengajaran dan pembelajaran mereka di sekolah serta masalah yang dihadapi oleh Guru Penolong Kanan (GPK) Pentadbiran dalam membina jadual waktu pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kajian ini juga bertujuan mengkaji garis panduan pembinaan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Di samping itu, cadangan penambahbaikan juga dikemukakan supaya gejala rungutan, keluhan dan ketidakpuasan guru berhubung jadual waktu pengajaran dan pembelajaran diambil tindakan agar dapat mengurangkan ketidakselesaian guru dalam menghadapi ketegangan dan konflik dalam pekerjaan. Kajian ini dijalankan sebagai panduan dan rujukan kepada mereka yang terlibat dengan bidang pendidikan iaitu Kementerian Pelajaran, pihak pentadbir, semua lapisan guru dan pihak-pihak lain. Dengan adanya kajian ini, ianya sedikit sebanyak membantu kita melihat dengan lebih jelas lagi scenario yang berlaku di sekolah.

### **1.6.1 Kementerian Pelajaran**

Hasil kajian ini dapat memberi gambaran kepada pihak kementerian tentang masalah yang dihadapi mengenai pembinaan jadual waktu. Di samping itu, ia dapat memberi garis panduan kepada pihak kementerian dalam mengkaji semula tentang pengurusan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran di sekolah serta mengatasi masalah pembinaan jadual waktu tersebut. Dengan ini membolehkan para guru mempunyai lebih banyak masa untuk memberi tumpuan kepada aspek pengajaran di sekolah pada setiap masa persekolahan. Pihak kementerian juga dapat menyemak semula kuota guru dan mengenal pasti perjawatan khas guru di sekolah. Maklumat ini penting supaya pembuat dasar dapat menentukan pendekatan yang terbaik bagi menangani masalah guru di sekolah.

### **1.6.2 Pihak Pentadbir**

Hasil dapatan kajian ini dapat memberi gambaran kepada pihak pentadbir, khususnya guru besar tentang rungutan guru mengenai jadual waktu pengajaran dan pembelajaran guru di bawah seliaan beliau supaya dapat mengambil tindakan yang bersesuaian. Pihak pentadbir haruslah memberikan masa mengajar guru sesuai dengan tugas guru pada masa kini. Fenomena ini penting kerana pentadbir sentiasa akan memberi jadual waktu yang padat kepada seseorang guru tanpa menyedari perkara tersebut memberi kesan negatif terhadap mutu kerja guru tersebut. Pihak pentadbir diharapkan dapat mengambil perhatian terhadap sebarang penambahan masa mengajar guru tidak mengganggu tugas-tugas pengurusan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti dan berkesan.

### **1.6.3 Guru-guru**

Hasil dapatan kajian ini dapat membantu para guru mengenal pasti tugas-tugas utama yang seharusnya dilakukan oleh mereka di sekolah. Para guru sememangnya memahami kekangan jadual waktu merupakan realiti yang tidak dapat dielakkan dalam era pendidikan pada masa kini. Mereka seharusnya diberikan jadual waktu yang minimum agar mereka dapat menumpukan sepenuh masa dengan persediaan sebelum mengajar di samping melakukan penambahbaikan terhadap pengajaran mereka.

Menggantikan guru yang tidak hadir telah dikenalpasti sebagai tugas yang membebankan guru. Namun begitu, guru tetap akur dengan tugas yang diberikan demi menunaikan tanggungjawab terhadap pelajar. Walaupun tugas sebagai guru ganti ini dipandang remeh, namun ia mengganggu masa senggang guru. Dengan adanya senarai rungutan guru yang dianggap mengganggu tumpuan guru, guru-guru dapatlah mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh mereka terhadap pengurusan jadual waktu di sekolah.

Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat memberi peluang kepada semua guru untuk mencurah dan melahirkan perasaan tanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan kepada mereka. Guru seharusnya melihat jadual waktu yang banyak adalah sebagai satu amanah, cabaran atau pembelajaran dan bukannya sebagai satu bebanan. Dengan wujudnya keikhlasan guru melaksanakan tugas, maka kepuasan guru terhadap kerja akan tercapai. Kepuasan kerja guru dapat dicapai secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi sekolah dan pencapaian akademik pelajar.

Selain itu, para guru perlu sedar betapa perlunya memberi sokongan dan kerjasama kepada rakan-rakan sejawat yang mengajar lebih dari 30 waktu seminggu. Mereka juga harus sedar bahawa tugas mengajar adalah satu amanah kerana sekiranya mereka menolak tugas sebagai guru ganti contohnya, bermakna orang lain pula akan menanggung beban sebagai guru ganti tersebut. Semangat kerja berpasukan akan mewujudkan satu suasana kerja yang harmoni yang mana jiwa dan mental para guru adalah tenang dalam menyempurnakan tugas yang diamanahkan tanpa sebarang rungutan.

Bagi bakal-bakal guru, mereka dapat mengenalpasti rungutan-rungutan guru yang timbul terhadap pengurusan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Justeru itu, mereka dapat bersedia mental dan fizikal sebelum menceburi bidang ini.

#### **1.6.4 Pihak-pihak lain**

Kajian ini dapat memberi input kepada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (*CUEPACS*) dalam memperjuangkan insentif dan kenaikan gaji guru pada masa akan datang di mana guru menjalankan tugas yang maksimum di sekolah. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada masyarakat betapa besar dan rumitnya tugas yang

terpaksa dilaksanakan oleh guru di sekolah rendah supaya masyarakat menghargai dan menyanjung tinggi segala bakti serta peranan yang dimainkan oleh guru-guru dalam sistem pendidikan negara kita. Dengan itu diharapkan masyarakat dapat bekerjasama dengan pihak sekolah dalam membantu pihak sekolah mempertingkatkan kualiti pendidikan pelajar.

Dalam kajian ini, pengurusan jadual waktu pembelajaran dan pengajaran merangkumi jumlah guru, jumlah murid, jumlah matapelajaran, penetapan kelas, peruntukan masa bagi matapelajaran, peruntukan masa bagi seseorang guru, penggabungan kelas, penggunaan makmal, penggunaan bilik tayang dan sebagainya (Nadzari Bahrom, 2012)

### **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini memfokuskan tentang pengurusan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran Sekolah Rendah Kebangsaan.

Kajian ini melihat masalah yang dihadapi oleh GPK pentadbiran dalam pembinaan jadual waktu di sekolah. Selain itu, ia juga adalah untuk mengetahui garis panduan yang ditetapkan dalam membina jadual waktu di sekolah rendah di samping mendapat cadangan penambahbaikan bagi mengurangkan masalah dalam penyediaan jadual waktu.

Kajian dijalankan hanya di beberapa buah Sekolah Rendah Kebangsaan daerah Kota Tinggi sahaja. Maka, kajian tidak menggambarkan keseluruhan masalah dalam pengurusan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran yang dihadapi di semua sekolah negeri Johor.

### **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya dijalankan ke atas semua guru di empat buah Sekolah Rendah Kebangsaan Zon Bandar daerah Kota Tinggi berkaitan jadual waktu dan

cadangan bagi mengatasi masalah dalam pengurusan jadual waktu guru di sekolah. Pihak pentadbir juga terlibat dalam kajian ini.

Data-data yang dikumpul adalah berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada semua guru di empat buah Sekolah Rendah Kebangsaan Zon Bandar daerah Kota Tinggi. Maka dapatan yang diberikan oleh guru adalah bergantung kepada keikhlasan mereka semasa menjawab soal selidik dan temubual yang dikemukakan.

Selepas itu, kajian ini hanya dijalankan ke atas semua guru mata pelajaran di Sekolah Rendah Kebangsaan daerah Kota Tinggi sahaja. Kajian ini tidak melibatkan guru-guru di sekolah menengah. Maka data yang diperolehi tidak boleh digeneralisasikan kepada semua sekolah di daerah Kota Tinggi.

## **1.9 Definisi Istilah / Operasional**

### **1.9.1 Pengurusan**

Menurut Noradanisha (2012) secara umumnya pengurusan boleh ditakrifkan sebagai satu seni bagi melaksanakan proses kerja yang terancang melalui dan dilaksanakan secara bersistematik, teratur serta mempunyai garis panduan tertentu. Ini bermakna sesuatu tugas dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui pengurusan. Kerana pengurusan merupakan satu seni atau budaya yang tersusun dalam melaksanakan bidang tugas individu sebuah organisasi. Menurut Mohd Fauzi (7 Januari 2008 ) kata kerja mengurus (management) berasal dari bahasa Itali ‘maneggiare’ iaitu menangani dan kata nama ini diterbitkan daripada perkataan Latin – manus (tangan). Perkataan bahasa Perancis ‘mesnagement’ telah banyak mempengaruhi perkembangan maksud perkataan Bahasa Inggeris ‘management’ pada abad-abad ke 17 dan 18.

Merujuk kepada Ensiklopedia Bebas Wikipedia (2011), pengurusan terdiri daripada pengarahan dan pengawalan sebuah kumpulan yang terdiri



daripada satu atau lebih orang atau entiti untuk tujuan menyelaraskan dan mengharmonikan kumpulan tersebut untuk mencapai sesuatu matlamat. Pengurusan menjadi sangat penting kerana ianya dapat menghasilkan sesuatu bidang tugas yang berkesan. Dengan adanya pengarah yang jelas dan bersistematik, sesebuah sekolah dapat menentukan kejayaan mereka dengan mudah dan lancar. Pengurusan merangkumi pengagihan dari aspek sumber manusia, bidang kewangan, sistem dan teknologi serta juga sumber semula jadi. Individu atau sekumpulan manusia yang menjalankan fungsi atau peranan dalam pengurusan adalah dianggap sebagai pengurusan.

Maksud pengurusan menurut Follet (Universiti Pengurusan Profesional, 2011), beliau mentakrifkan pengurusan sebagai satu seni melakukan kerja melalui sumbangan orang lain. Ini bermakna pengurusan dirancang oleh seseorang dan pelaksanaannya adalah individu atau kumpulan dalam organisasi bagi mencapai matlamat organisasi tersebut. Ini bermakna pengurusan hanya berlaku dengan wujudnya sumbangan tenaga atau idea dari pelbagai pihak atau subordinat sesebuah organisasi. Berdasarkan takrifan ini kita dapat melihat bahawa pengurusan mencapai objektif dengan cara memberikan tugas kerja kepada orang lain supaya kerja-kerja dapat dilaksanakan bagi mencapai objektif tersebut. Pengurusan secara fitrahnya melibatkan perhubungan pengurus dengan pekerja bawahannya atau subordinat.

### **1.9.2 Pengajaran dan Pembelajaran**

Dari segi bahasa, menurut kamus terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (2007) perkataan pengajaran dan pembelajaran berasal dari satu kata dasar yang sama iaitu ajar yang bermaksud petunjuk yang diberikan kepada orang lain. Pengajaran bermaksud segala yang berkaitan dengan mengajar atau mengajarkan ( seperti caranya, sistemnya dan lain-lain).

Menurut Kolaborasi Ilmu (2012) pembelajaran pula ialah suatu gerakbalas kepada rangsangan-rangsangan yang membawa kepada satu perubahan. Pembelajaran ialah suatu proses mental atau fizikal yang membawa kepada perubahan tingkah laku. Pembelajaran juga bermaksud satu proses memperoleh pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang baru.

### **1.9.3 Sekolah Rendah Kebangsaan**

Sekolah Rendah Kebangsaan merujuk kepada sekolah rendah kerajaan yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Ia merupakan institusi pendidikan asas bagi kanak-kanak berusia 7 hingga 12 tahun. Menurut Robiah (2003), sekolah adalah bangunan khas yang didirikan untuk menjalankan proses mengajar atau belajar secara formal.

Dalam kajian ini, Sekolah Rendah Kebangsaan merujuk kepada sekolah Zon Bandar yang kesemuanya terdiri dari sekolah gred A. Kesemua sekolah rendah kebangsaan yang menjadi bahan kajian penyelidikan adalah terletak di daerah Kota Tinggi.

### **1.10 Kesimpulan**

Berdasarkan permasalahan yang timbul dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran, pihak sekolah terutamanya guru besar dan barisan pentadbir yang lain perlu saling bekerjasama memainkan peranan dalam membina dan melaksanakan pengurusan pengajaran dan pembelajaran yang lancar serta selesa digunakan oleh barisan pelaksana iaitu guru-guru. Di samping itu, guru-guru juga perlu menjalankan tanggungjawab mereka secara bersistematik berdasarkan panduan yang disebutkan dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran.

Antara perkara yang perlu dilakukan oleh guru dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran ialah menyediakan perancangan pengajaran iaitu menulis buku rekod mengajar, menentukan objektif pengajaran dan pembelajaran, menggunakan sumber pengajaran dan pembelajaran yang

bersesuaian, membuat perancangan dan pelaksanaan penyampaian dan membuat perancangan dan pelaksanaan penilaian. Dengan adanya panduan dan perancangan ini, pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan teratur dan berkesan.